

# Jana pendapatan, optimumkan perbelanjaan

BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) 15 JAN 2016 M/S 18

» UA ambil langkah  
jimatkan belanja  
untuk hadapi  
semakan Bajet 2016

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

**B**iarpun perlu mengoptimalkan perbelanjaan ekoran keadaan ekonomi semasa, universiti awam (UA) terus bertekad untuk

mendepani cabaran itu dengan tadbir urus kewangan lebih berkesan dan usaha penjimatkan yang lain.

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Emeritus Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata cabaran tahun ini amat besar apabila perlu menjana lebih banyak sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan mengurus tanpa menaikkan yuran pengajian pelajar.

Atas dasar itu, Dr Kamarudin menyeru semua warga universiti berkenaan bersama-sama dengan beliau untuk mengubah aspek sikap, minda, tabiat dan amalan

bekerja bagi memastikan UniMAP dapat terus beroperasi dan mendidik anak bangsa.

#### Tujuh KPI

"Kami tetap komited dengan memulakan tahun baharu dengan tekad dan azam untuk bergerak seiring dengan tujuh petunjuk prestasi utama (KPI) yang digariskan oleh Menterinya Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

"Sebagai maklum balas kepada tuntutan untuk berubah secara positif, UniMAP komited untuk menjayakan KPI melalui inisiatif yang telah digariskan untuk memastikan budaya berdaya saing

UniMAP dapat diteruskan.

"Kita juga akan berusaha mencari sumber geran baharu di dalam dan luar negara bagi membiayai aktiviti penyelidikan serta mengadakan kerjasama 'menang-menang' dengan universiti, institut penyelidikan serta penyelidik antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas mengenai semakan untuk mengubahsuai Bajet 2016 selepas ketidaktentuan ekonomi akibat penurunan harga minyak mentah dunia.

#### UMP tidak kompromi

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pihaknya sudah melakukan perbelanjaan secara optimum sejak tiga ke empat tahun lalu dan kini hanya perlu meneruskannya.

Beliau berkata, langkah itu sememangnya terbuaki berkesan dan menjimatkan apabila setiap tahun memberi pulangan yang baik.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya tetap memberi keutamaan tertentu kerana tidak mahu kompromi dengan kualiti pengajaran

**Cabar tahun ini  
amat besar apabila  
perlu menjana  
lebih banyak  
sumber kewangan  
untuk menampung  
perbelanjaan  
mengurus tanpa  
menaikkan yuran  
pengajian pelajar"**

Dr Kamarudin Hussin.  
Naib Canselor UniMAP

dan pembelajaran serta aktiviti penyelidikan kerana akan menjasaskan kedudukan dalam penarafan universiti.

#### Had aktiviti

"Aktiviti seperti majlis dan acara dalaman yang boleh digabungkan akan dibincangkan untuk mengoptimalkan perbelanjaan serta menggalakkan urusan yang boleh diselesaikan atas talian kerana boleh menjimatkan kos pengangkutan.

"Dalam usaha ini, pengurus di sesuatu jabatan perlu berusaha lebih keras untuk merancang dengan teliti aktiviti yang akan dijalankan dan mengehadikan mana-mana aktiviti yang boleh dikawal.

"Selain itu, kami juga giat menjana kekayaan menerusi anak syarikat UMP dan kini turut rancang dalam aktiviti pengkomersialan untuk menambah lagi pendapatan universiti," katanya.



Kamarudin (dua dari kanan) meraikan tetamu melawat rumah hijau yang ditanam dengan pokok mempelam harum manis di UniMAP.



Penyelidik UniMAP, Kamarulzaman Kamarudin pada Ekspo Pendidikan Penyelidikan dan Ciptaan IPT Antarabangsa, baru-baru ini.

